



KAMPUS LESTARI

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) terus komited dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sihat dan kondusif melalui pelaksanaan amalan-amalan lestari melibatkan warga kampus dan masyarakat.

Melalui usaha yang dimulakan sejak empat tahun lalu itu, UniMAP memberi penerapan kepada beberapa aspek utama iaitu menghijaukan kawasan kampus, menjimatkan sumber tenaga, menggalakkan amalan kitar semula dan memupuk kesedaran umum mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Program kampus lestari merupakan program jangka masa panjang yang diharap akan mencapai objektifnya sekali gus menjadi contoh bagi program seumpama itu di peringkat tempatan dan antarabangsa. Usaha ini bukanlah satu tugas yang mudah dan boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat. Ia menuntut komitmen berpanjangan melalui pendidikan dan bimbingan khususnya untuk memupuk kesedaran warga kampus. Ternyata usaha ini telah membawa hasil dan menunjukkan perkembangan positif apabila berlaku perubahan sikap dalam kalangan pelajar dan warga kampus. Begitu juga dengan persekitaran kampus yang semakin menghijau.

Pada peringkat awal, inisiatif melestarikan UniMAP diterajui oleh Timbalan Pengerusi Majlis Profesor UniMAP, Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zin yang ketika itu berada di bawah tanggungjawab pejabat Penolong Naib Canselor Komunikasi Korporat sebelum dipindahkan untuk penyelaras Majlis Profesor UniMAP sejak awal tahun ini.

Perubahan paling ketara boleh dilihat pada perubahan sikap warga kampus yang semakin prihatin terhadap isu kebersihan dan sentiasa berjimat dalam penggunaan sumber seperti elektrik dan air. Perkara yang selama ini tidak begitu dihiraukan seperti amalan pengasingan sampah di tong sampah kitar semula juga mula diberi perhatian dan diperaktikkan dengan betul. Perubahan seperti ini amat penting kerana mampu memupuk kesedaran dan tanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar.

Dalam usaha memantapkan pengurusan kampus lestari di institusi pengajian tinggi itu, Dr Zuraidah bersama Pasukan Bertindak Kampus Lestari UniMAP iaitu penyelarasnya, Dr. Siti Khadijah Za'aba dan beberapa pegawai menganjurkan pelbagai program dan aktiviti antaranya program menanam pokok di kawasan kampus.

Program tanaman semula pokok bagi tujuan menambah kehijauan persekitaran kampus sehingga kini mencecah 2,000 batang sejak dilaksanakan. Sebagai komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kampus, warga UniMAP turut diberikan amanah untuk memelihara dan menjaga pokok-pokok yang ditanam. Selain usaha menghijaukan kampus, UniMAP turut mengambil langkah mengharamkan penggunaan bekas makanan polisterina di kafe kampus sejak beberapa tahun yang lalu. UniMAP juga beruntung kerana mendapat sokongan daripada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor dalam menjayakan kampus lestari ini.

Sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan ujar beliau, program kampus 'hijau' turut melibatkan aspek penyelidikan melalui pembinaan sebuah loji

pemprosesan semula minyak masak terpakai dari kantin kampus. Projek pemprosesan semula minyak masak untuk menghasilkan baja kompos yang dilakukan dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) merupakan salah satu daripada projek komuniti untuk memupuk kesedaran masyarakat luar kampus tentang kepentingan kitar semula.

Lebih membanggakan antara pencapaian UniMAP setakat ini hasil daripada memupuk kesedaran itu adalah kejayaan menjimatkan penggunaan elektrik sebanyak RM80,000 setiap bulan melalui langkah penjimatkan peralatan pendingin hawa. Selepas kejayaan penjimatkan sumber tenaga itu, UniMAP kini memasuki fasa seterusnya iaitu penjimatkan melalui penggunaan mentol LED.

Kejayaan konsep kampus lestari itu diharap menjadi titik tolak untuk merealisasikan impian universiti di utara tanah air itu menjadi universiti peneraju dalam program kelestarian alam.

